



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### Great Eastern Takaful Raikan Ulang Tahun Ke-13

*Kekal komited dalam membantu rakyat Malaysia merealisasikan aspirasi hidup*

**11 Disember 2023, Kuala Lumpur** – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) baru-baru ini telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-13 pada 10 Disember 2023. Berteraskan matlamat untuk saling membantu mereka yang memerlukan, Great Eastern Takaful terus mempertingkatkan capaiannya yang kini telah melangkaui lebih 1.6 juta pelanggan untuk membantu merealisasikan aspirasi hidup mereka dengan perlindungan kesihatan dan kewangan yang komprehensif.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahriman berkata, “Sebagai pengendali takaful keluarga yang setia melindungi para pelanggan, kami amat menghargai kepercayaan rakyat Malaysia yang telah memilih Great Eastern Takaful sebagai rakan perlindungan mereka. Aspirasi mereka untuk menjalani kehidupan dengan tenang serta keyakinan dalam perlindungan kesihatan dan kewangan terutamanya pada waktu yang tidak terduga sentiasa menjadi keutamaan kami. Perlindungan takaful yang menyeluruh amat penting bukan sahaja untuk melindungi individu, malah ia turut melindungi ahli keluarga serta legasi mereka.”

Memetik ucaptama Majlis Takaful Star Awards 2023, setakat bulan Jun, kadar penetrasi industri takaful mencatatkan sebanyak 19.54% berbanding 19.48% pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah seiring dengan usaha Great Eastern Takaful yang turut memainkan peranan sebagai salah satu peneraju industri takaful yang meletakkan komitmen tinggi untuk membantu merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia. Dengan lebih 10,000 perunding takaful yang berdedikasi serta pembangunan produk inovatif serta pendigitalan perkhidmatan, ia memperkuuhkan kedudukannya dalam industri dalam landskap sosioekonomi yang dinamik.

Bakal melancarkan produk baharu sebagai pembuka tirai 2024, Great Eastern Takaful turut melancarkan penambahbaikan penjenamaannya untuk meningkatkan daya saing serta imej sejarar dengan syarikat induknya, Great Eastern Holdings Limited yang telah beroperasi lebih seratus tahun. Pembaharuan ini akan menampilkan strategi penjenamaan yang lebih kukuh demi meningkatkan kebolehpasaran serta kekal relevan terutamanya untuk generasi muda.

“Kami percaya dengan strategi penjenamaan baharu ini, lebih banyak segmen komuniti yang boleh dicapai dan ia adalah antara usaha untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap penawaran kami yang melindungi segenap lapisan masyarakat dalam setiap peringkat kehidupan mereka. Melangkaui operasi perniagaan, kami turut memberikan perhatian kepada golongan berpendapatan rendah (B40) yang memerlukan pelan perlindungan mampu milik serta kesedaran akan kepentingan takaful dalam

membantu mereka membuat pilihan terbaik untuk masa hadapan mereka dan keluarga,” tambahnya.

Aktiviti memperkasakan segmen B40 turut diperkuuh melalui skim kerajaan, mySalam yang semakin giat dilaksanakan dan merujuk Belanjawan 2024 yang telah diumumkan, ia akan diteruskan bagi tempoh dua tahun seterusnya. Sehingga 2023, Great Eastern Takaful yang dilantik sebagai pengurus mySalam secara keseluruhannya telah berjaya membantu lebih 1,221,640 rakyat Malaysia dan sehingga kini, telah menguruskan pembayaran tuntutan sebanyak RM900 juta dengan 142 kiosk yang beroperasi di semua hospital kerajaan untuk memudahkan urusan tuntutan. Pelan perlindungan mikrotakaful, MikroSayang yang ditawarkan khas untuk membantu segmen ini juga menunjukkan sambutan yang memberansangkan di mana ia telah melindungi seramai 43,000 peserta secara keseluruhannya.

Penambahbaikan penawaran produk terutamanya i-Great Nova dengan pelbagai *rider* tambahan turut membantu meningkatkan kebolehpasaran produk yang memenuhi kehendak pelanggan. Seiring dengan keperluan yang meningkat, Great Eastern Takaful turut meneroka peluang perniagaan baharu yang lebih unik dan memperkuuhkan kolaborasi strategik seperti usahasama dengan Amanah Warisan Berhad (AWARIS) dalam menawarkan penulisan wasiat secara percuma di samping pelbagai kerjasama erat dengan rakan pengedaran perbankan serta korporat.

Ulang tahun ke-13 ini turut diserikan dengan pencapaian dalam merangkul pelbagai pengiktirafan termasuk anugerah Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (VBIT). Ia mengiktiraf usaha berterusan syarikat tersebut menerusi inisiatif *GETB Upcycling Project* yang berkisarkan kesedaran alam sekitar kepada lebih 3,500 individu serta pengenalan aktiviti hasil semula sebagai satu langkah proaktif dalam menangani isu pencemaran plastik yang semakin meruncing.

-TAMAT-

#### **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand –

Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com).

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim  
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat  
Great Eastern Takaful Berhad  
Tel : 016 - 209 234  
E-mel : [MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com)